

25/07/2000

Swasta perlu selaras gaji: Mahathir

Kadir Dikoh; Saidon Idris; R Magendran

KUALA LUMPUR, Isnin - Sektor swasta perlu menetapkan gaji bulanan yang selaras dengan pendapatan kakitangan awam bagi memastikan kerajaan tidak kehilangan tenaga kerja yang berwibawa akibat tawaran gaji lumayan pihak swasta.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kehilangan kakitangan awam terbabit akan melemahkan pentadbiran dan menggugat ekonomi negara, seterusnya merugikan sektor swasta sendiri.

Selain itu, Perdana Menteri juga mengingatkan sektor swasta bahawa walaupun pembayaran gaji tinggi menarik minat tenaga kerja berkemahiran, termasuk kakitangan awam, ia belum pasti dapat meningkatkan prestasi syarikat.

"Di Amerika Syarikat umpamanya, ada eksekutif menerima gaji tinggi yang terdorong untuk hanya memastikan laporan tahunan menunjukkan keuntungan supaya mereka mendapat pulangan lumayan dalam bentuk opsyen saham.

"Mereka tidak peduli walaupun prestasi syarikat merosot dan seterusnya kerugian ini menyebabkan kerajaan hilang pendapatan dari segi kutipan cukai yang seterusnya menjejaskan pembiayaan urusan pentadbiran negara.

"Hakikatnya, kemajuan sektor swasta banyak bergantung kepada kemampuan sektor awam memenuhi keperluan mereka dan tindakan berlumba-lumba menaikkan gaji untuk menarik minat pekerja tidak akan menguntungkan sesiapa," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika sesi dialog selepas menyampaikan ucap tama dalam Persidangan Persyarikatan Malaysia, di sini hari ini.

Katanya, kejayaan konsep Persyarikatan Malaysia berjaya jika prestasi sektor swasta diimbangi dengan kecekapan sektor awam dan kedua-dua pihak perlu bekerjasama bagi mencapai wawasan itu.

Jika sektor swasta menawarkan gaji lumayan untuk menarik pekerja sektor awam yang berkebolehan, imbalan terbabit akan terjejas, prestasi sektor awam akan merosot dan dalam jangka panjang akan menyukarkan operasi sektor swasta.

"Saya sendiri kadang-kala terfikir hendak bertukar kerjaya kerana sebagai ketua eksekutif Persyarikatan Malaysia, saya hanya dibayar RM16,000 sedangkan ada pekerja di bawah saya menerima gaji sehingga RM40,000," katanya berseloroh.

Beliau berkata, kerajaan mempunyai sumber kewangan yang terhad dan tidak boleh menaikkan gaji kakitangan sewenang-wenangnya dan sektor swasta perlu memahami keadaan itu dan mengawal tangga gaji mereka pada tahap munasabah.

Katanya, negara tidak akan mempunyai badan pentadbiran yang kukuh jika semua tenaga kerja yang terbaik sudah menyertai sektor swasta.

(END)